akan melawat Sabah lewat tahun ini untuk tujuan yang sama. Ada-lah di-harapkan dalam beberapa tahun yang akan datang bahawa guru² yang dilatih di-Malaysia Timor dapat diperbandingkan dengan rakan² sejawat mereka di-Malaysia Barat.

Pada tahun 1966 langkah² tegas telah di-ambil oleh Kementerian saya untuk melaksanakan rancangan mengajar mata pelajaran pekerjaan dalam bidang pelajaran Sekolah² Menengah Rendah. Jumlah murid² di-semua sekolah² menengah teknik itu telah bertambah dari 1,652 pada tahun 1966 kepada 2,796 pada tahun ini.

Urusan sedang di-buat untuk memulakan satu rancangan latehan guru pertukangan untuk mengadakan guru² bagi sekolah² menengah pekerjaan di-bawah Rancangan Malaysia Yang Pertama. Kebanyakan daripada rancangan usaha² pelajaran teknik akan di-kemukakan kepada Bank Dunia bagi mendapatkan pertolongan wang.

Pengajaran Ugama Islam terus diadakan di-sekolah² rendah dan menengah yang di-bantu. Sa-banyak \$5.2 juta ada-lah di-kehendaki dalam Anggaran tahun ini untuk tujuan yang tersebut ia-itu berupa \$1.1 juta lebih daripada peruntukan bagi tahun 1966. Akan tetapi, oleh kerana peruntukan tahun 1966 telah di-tambah dengan satu pendahuluan sa-banyak \$898,000 dari Kumpulan Wang Belanja Luar-jangka maka tambahan sa-benar yang di-kehendaki sekarang ia-lah \$302,000 sahaja lebih daripada peruntukan yang di-luluskan bagi tahun 1966. Pada masa ini ada 463 guru² ugama di-sekolah semengah. Ini tidak sekali² menchukupi dan ada-lah di-harapkan lebih ramai guru² dapat di-ambil untuk sekolah² menengah yang di-bantu tidak lama lagi. Untuk meninggikan lagi mutu pengajaran di-sekolah² menengah yang di-bantu Kementerian saya terus mengadakan kursus dalam chuti untuk guru² ugama itu dan sekarang pertimbangan sedang di-buat untuk mengadakan latehan yang sa-umpama itu bagi guru² ugama di-sekolah² rendah yang di-bantu.

Kementerian akan terus mengadakan bantuan wang bagi Sekolah² Agama Ra'ayat. Ada-lah di-perlukan peruntokan sa-banyak \$600,000 di-bawah pechahan-kepala 9 Kepala Peruntokan 18. Kerajaan memang bertujuan hendak memperbaiki darjah Sekolah² Agama Ra'ayat yang ada sekarang. Untok maksud yang tersebut ada-lah di-jangka sa-buah sekolah agama dalam tiap² negeri akan di-jadikan sekolah bantuan penoh pada tahun ini sa-bagai chontoh atau pun model. Sekolah² Agama yang menerima bantuan penoh akan mempunyai sukatan pelajaran yang sama dengan Sekolah² Kebangsaan kechuali sukatan pelajaran bagi pengajaran Agama Islam dan Bahasa Arab ada-lah luas untok menyediakan murid²-nya bagi peperiksaan masuk ka-Kolej Islam. Kerajaan Negeri telah menerima shor Kementerian pada dasar-nya dan butir² yang di-kehendaki sedang di-uruskan oleh pegawai² Kementerian saya dengan tiap² Kerajaan Negeri. Keputusan juga telah di-buat untok meluaskan dalam tahun ini ranchangan pemberian sa-paroh bantuan kepada 47 buah sekolah² agama yang mempunyai bilangan murid 2,819 orang. Jumlah murid² di-sekolah agama yang telah pun menerima bantuan Kerajaan ada-lah di-jangka akan meningkat ka-angka lebeh kurang 2,520 pada tahun ini.

Berkenaan Kolej Islam, satu perkembangan yang penting telah berlaku ia-itu mulai dari tahun ini Kolej yang di-Klang itu akan menjadi sekolah menengah berasrama, sementara Kolej Islam yang berharga \$2.5 juta di-Petaling Jaya yang siap awal tahun lalu akan menjadi sa-buah yayasan pelajaran tinggi. Kolej di-Klang akan menyediakan penuntut² bagi peperiksaan² biasa dan sukatan pelajaran Kolej Islam di-Petaling Jaya itu akan di-semak dan di-perbaharui untok menaikkan-nya hingga ka-peringkat yang di-kehendaki. Pentadbiran di-Kolej itu di-uruskan oleh sa-buah Majlis baharu yang menjalankan tugas²-nya menurut Tertibchara Kerajaan yang di-luluskan pada tahun lalu.

Apabila saya mengemukakan belanjawan Kementerian saya yang akhir

dahulu, saya telah menyebut tentang shor Kementerian saya untok mengambil lebeh banyak lagi guru² siswazah dari seberang laut. Ini di-dapati sangat mahal oleh kerana Kerajaan sekarang sedang mengetatkan perbelanjaan dan oleh yang demikian keputusan telah diambil untok mengeneipkan ranchangan ini dahulu. Tujuan utama Bahagian Biasiswa dan Latehan Kementerian saya ia-lah menerbitkan guru² siswazah yang chukup bagi sekolah² menengah untok memenohi kehendak² perkembangan pelajaran kita. Bilangan guru² siswazah yang di-kehendaki bagi Malaysia Barat ia-lah, 2,686 orang dan yang ada sekarang hanya-lah 996 orang sahaja. Oleh itu kita maseh kekurangan 1,693 guru² siswazah. Akan tetapi, boleh-lah saya katakan bahawa pada permulaan tahun 1966 sa-jumlah 84 guru² siswazah yang tamat pengajian mereka di-Universiti Malaya di-bawah ranchangan derma sizwa perguruan telah di-tempatkan ka-beberapa sekolah di-seluruh negeri ini. Juga beberapa biasiswa dan dermasiswa perguruan terus di-beri kepada guru² untok mengikuti latehan di-yayasan² pelajaran di-luar negeri.

Saya boleh-lah menyakinkan Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini ia-itu segala usaha sedang di-jalankan oleh Kementerian saya untok menghadapi kekurangan guru² siswazah sa-takat peruntokan wang yang ada. Matlamat Kementerian saya ia-lah memperolehi 350 guru siswazah sa-tahun dan jika kadar ini dapat di-chapai maka kita boleh-lah mengatasi kekurangan itu dalam tempoh lima tahun. Pada tahun 1966 sa-jumlah 188 biasiswa dan dermasiswa telah di-beri kepada guru² untok latehan di-beberapa Universiti dalam dan juga di-luar negeri. Juga, Kerajaan sentiasa menggalakkan pegawai² pelajaran, penshah² dan guru² untok meluaskan ilmu pengetahuan mereka dan belajar bagi menchapai kelayakan yang lebeh tinggi. Sumbangan terbesar dalam hubungan ini telah di-terima melalui Ranchangan Dermasiswa Perguruan Commonwealth. Di-bawah ranchangan ini kita dapat menghantar sa-jumlah 30 hingga 40 guru² terlatah pada tiap² tahun untok

latehan ilmu khas di-luar negeri. Sallain dari pada itu, ada juga ranchangan untuk menghantar pegawai² pelajaran, pensharah² dan guru² untuk mengikuti kursus² di-luar negeri di-bawah Ranchangan Colombo dan Ranchangan Fulbright. Pada tahun 1966 sa-jumlah 12 hadiah bantuan telah juga ditawarkan oleh Kerajaan United Kingdom, Kanada dan Australia. Pada tahun itu juga kita telah menerima bilangan sukarelawan² yang paling banyak dari Pasokan Keamanan atau Peace Corps yang terdiri dari guru² Ilmu Perusahaan dan Sains Rumah Tangga. Ini-lah pertama kali-nya Pasokan Keamanan itu menghantar guru² ilmu Perusahaan dan memandangkan pada kekurangan guru² yang tersebut 49 orang Sukarelawan itu sangat-lah di-sambut baik. Kita juga telah menerima dengan bangga-nya kumpulan pertama 8 sukarelawan² dari Australia di-bawah Ranchangan Sukarelawan² Australia Seberang laut.

Pada tahun ini ada-lah di-kehendaki sa-banyak \$1,828,200 untuk Kelas² Pelajaran Lanjutan. Ini hanya berupa tambahan sa-banyak \$228,200 lebeh daripada peruntukan bagi tahun 1966. Walau bagaimana pun, tambahan yang sedikit itu ada-lah perlu untuk menanggung segala perbelanjaan Kementerian ini bagi kelas² tambahan yang di-buka pada tahun lalu. Kelas² Pelajaran Lanjutan sekarang telah menjadi satu chara belajar yang kekal di-negeri ini dan oleh yang demikian perkembangan serta kemajuan kelas² itu patut-lah sama lichin-nya dengan susunan pelajaran seluruh-nya. Kelas² ini ada-lah terbukti berfaedah, khusus-nya kapada penuntut² yang tidak berpeluang menerima pelajaran di-sekolah² biasa dan ini dapat di-lihat dari keadaan-nya yang bertambah popular di-negeri ini.

Berhubung dengan pemberian bagi pelajaran kanak² chachat, peruntukan pada tahun ini merupakan satu pechahan yang menyatukan semua pechahan-kepala² dan tajok peruntukan berhubung dengan perkara itu yang dahulunya bertaboran. Penyatuan ini dapat menjelaskan dengan terang-nya apakah yang di-lakukan oleh Kerajaan

bagi kanak² chachat dan juga memudahkan lagi kita melihat dengan selayang pandang berapa banyak peruntukan berulang di-kehendaki tiap² tahun. Peruntukan yang di-kehendaki pada tahun ini ia-lah \$680,000.

Wang sa-banyak \$1,300,000 ada-lah di-kehendaki bagi Maktab Pertanian di-Serdang. Ini berupa tambahan sabanyak \$404,000 lebeh daripada yang di-luluskan pada tahun 1966. Bilangan Pelajar² Maktab itu ada-lah di-jangka bertambah dari 280 pada tahun 1966 kapada 400 pada tahun ini. Sabahagian daripada tambahan perbelanjaan itu ada-lah di-sebabkan oleh penyemakan sa-mula gaji pensharah² baharu² ini. Saya juga patut menyebutkan di-sini bahawa Kerajaan telah pun bersetuju hendak memperbesarkan Maktab itu empat kali ganda di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia. Saya sukachita memberitahu Dewan ini bahawa satu kursus permulaan akan di-jalankan di-Maktab Pertanian dalam tahun ini. Tujuan kursus yang tersebut ia-lah untuk menyediakan pemuda pemudi dari kawasan luar bandar yang mempunyai kechenderongan dan kemahuan di-lapangan pertanian untuk memasoki kursus perengkat Diploma. Mereka tidak akan dapat masuk kursus jurusan diploma di-Maktab itu kerana mempunyai syarat² kelayakan akademik khusus-nya Ilmu Sains dan Ilmu Hisab akibat kekurangan kemudahan² untuk mata pelajaran tersebut di-sekolah² mereka.

Kementerian saya telah meneruskan usaha²-nya untuk meninggikan mutu pelajaran sekolah² kebangsaan dan melaksanakan dasar Kerajaan mengenai Bahasa Kebangsaan yang, sabagaimana Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini sedar, akan menjadi bahasa resmi yang tunggal mula² dari bulan September tahun ini. Kumpulan kedua penuntut² dari Tingkatan Enam atas dalam aliran bahasa pengantar Melayu telah masuk ka-Universiti pada tahun 1966. Pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan dalam bahasa pengantar Melayu telah di-adakan buat pertama kali-nya pada tahun lalu dan pada tahun ini lebeh banyak lagi chalun²

akan mengambil pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan dalam bahasa pengantar Melayu.

Usaha² untuk memaju dan mengembangkan bahasa kebangsaan sa-bagaimana yang di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka amat-lah memuaskan. Kemajuan yang paling besar di-chapai ia-lah dalam lapangan penerbitan buku² teks dan juga buku² untuk bacaan umum dalam bahasa kebangsaan. Dalam tahun 1966 sa-banyak 82 buku² baharu telah di-terbitkan dan jumlah naskhah-nya ia-lah 4,580,000. Di-samping itu 86 buah buku telah di-chetak sa-mula kerana keperluan untuk buku² itu sama ada untuk kegunaan sekolah atau pun untuk bacaan umum semakin bertambah². Dalam lapangan menchipta istilah² baharu pula, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dapat mengadakan sa-banyak 9,000 istilah baharu yang meliputi berbagai² lapangan ilmu pengetahuan. Hingga akhir tahun 1966 sa-banyak lebih kurang 68,000 istilah telah dapat di-kumpulkan dan kebanyakan dari istilah² ini telah pun mula di-gunakan sa-kurang²-nya dalam buku² penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri dan juga oleh pejabat² dan Jabatan² Kerajaan serta juga Perbadanan² dan Sharikat². Usaha mengerjakan Kamus Umum Bahasa Kebangsaan sedang berjalan dengan giat-nya dan setakat ini sa-banyak 218,000 kad² telah dapat di-sediakan. Ada-lah di-jangkakan Kamus ini akan siap untuk di-jual kepada orang ramai pada akhir tahun hadapan. Dalam pada itu pula penyelidikan terhadap bahasa dan sastera sedang di-teruskan. Sa-banyak empat buah naskhah Sastera Melayu Lama telah di-edit dalam tahun 1966. Sementara itu rancangan untuk mengumpul cerita² penglipur lara untuk di-jadikan bahan² bacaan di-sekolah² berjalan dengan memuaskan. Sa-banyak lebih kurang 123 cerita² penglipur lara telah pun di-rakamkan untuk penyelidikan.

Dalam tahun 1966 juga satu rancangan untuk mengkaji sejarah perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden telah di-mulakan dan ini di-jangka akan siap akhir tahun ini.

Usaha² untuk memperhebatkan lagi pengajaran bahasa kebangsaan untuk kakitangan Kerajaan telah di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama yang rapat dari Kementerian Pelajaran. Dalam tahun 1966 sa-ramai 7,697 orang kakitangan Kerajaan termasuk 820 dari Sarawak telah mengikuti kursus bahasa kebangsaan anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka. Untuk menggalakkan orang ramai supaya membaca dan menaruh minat terhadap buku² yang di-tulis dalam bahasa kebangsaan maka perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan pameran buku² di-merata² tempat di-Malaysia Barat. Pesta buku² dalam bahasa kebangsaan yang di-adakan sa-bagai mengambil semperna kempen Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun lalu telah di-kunjongi oleh lebih daripada 45,000 orang pelawat. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka mendapat sambutan daripada penuntut Universiti dan murid² Sekolah Menengah Tinggi. Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun lalu telah mencapai kejayaan yang chemerlang.

Kementerian Pelajaran ada menerima beberapa permohonan dari Kedutaan kita di-Seberang Laut dan juga dari Kesatuan Penuntut² meminta supaya di-adakan kelas² bahasa kebangsaan untuk penuntut² yang tidak mahir dalam bahasa kebangsaan oleh kerana mereka sudah beberapa tahun berada di-luar negeri. Permohonan² yang sa-umpama itu ada juga di-terima dari beberapa Pertubohan² dan Persatuan² di-luar negeri yang ada kechen-derongan dalam mempelajari bahasa kebangsaan kita. Memandang pada keadaan ini Kementerian Pelajaran telah menetapkan supaya di-tubuhkan kelas² bahasa kebangsaan di-beberapa pusat penuntut di-luar negeri mulai tahun ini.

Universiti Malaya terus berkembang dengan pesat-nya. Bilangan penuntut² yang masuk pada tahun '65/66 ia-lah 1,059 berbanding dengan angka 1,365 bagi tahun '66/67. Jumlah penuntut² Universiti itu pada 1hb Julai, 1966 ia-lah, 3,600 dan angka ini di-jangka naik

hingga ka-peringkat 7,000 pada tahun 1970.

Saya ingin juga memberitahu Dewan ini bahawa Jawatan-kuasa Perancang Pelajaran Tinggi, yang telah di-lantek oleh Jema'ah Menteri untuk menyemak kemudahan² yang ada sekarang untuk pelajaran tinggi dalam negeri ini, telah memasoki peringkat akhir dalam per-sediaan laporan-nya. Kebanyakan dari-pada laporan² ini telah pun sedia tetapi pehak Perbendaharaan sedang menyemak selok-belok kewangan yang di-timbulkan oleh laporan tersebut. Adalah di-jangka bahawa Jawatan-kuasa itu akan mengemukakan beberapa chadangan mengenai perkembangan pelajaran tinggi dan kemudahan² latehan serta juga jenis² kursus pelajaran yang belum di-adakan di-negeri ini tetapi sangat² perlu di-adakan dari segi perkembangan ekonomi, kemasharakatan dan juga kebudayaan kita.

Sekarang saya akan mengemukakan Kepala Peruntukan 19 "Pelajaran Malaysia Timor". Sa-bagaimana yang saya telah sebutkan terlebih dahulu pelajaran di-kedua² buah negeri telah berkembang dengan pesat-nya. Sa-banyak \$43,012,942 yang di-kehendaki bagi tahun ini ada-lah merupakan tambahan sa-banyak \$4,134,694 atau lebih kurang 9% lebih daripada per-untukan sa-banyak \$38,878,248 bagi tahun 1966. Berkenaan Sarawak jumlah wang yang di-kehendaki ia-lah \$23,998,912 berbanding dengan per-untukan sa-banyak \$21,591,138 bagi tahun 1966. Pada tahun 1966 bilangan murid² di-sekolah² bantuan Kerajaan di-Sarawak ia-lah 135,500 dan ada-lah di-anggarkan angka bagi tahun ini ia-lah sa-banyak 152,000 yang menunjokkan sa-banyak 16,500 di-antara dua tahun ini. Di-sekolah² menengah bantuan angka-nya telah bertambah dari 14,900 hingga 17,400 pada tahun ini. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Sarawak telah menikmati kemajuan pelajaran rendah pada masa yang awal dan terpaksa mengadakan tempat di-Sekolah Menengah Kerajaan dan sekolah bantuan bagi 30% murid² yang tamat pelajaran rendah. Dengan keadaan yang demikian

tidak-lah dapat di-elakkan bertambah-nya perbelanjaan.

Berhubung dengan "Bantuan Tempat Tinggal" atau "Boarding Subsidies", tambahan sa-banyak \$165,000 yang di-kehendaki pada tahun ini adalah mustahak, oleh kerana perlu disediakan tempat tinggal untuk 3,000 murid sa-kurang²-nya, pada tahun ini. Dalam perkara ini benarkan-lah saya menyatakan bagi ma'alum Ahli² Yang Berhormat, bahawa bantuan tempat tinggal ada-lah di-bayar kepada murid² itu atas kadar \$40.00 sa-tahun bagi sa-orang murid. Kelas² Pelajaran Lanjutan terus menjadi popular di-Sarawak, dan banyak lagi kelas² yang di-kehendaki di-buka, khusus-nya bagi mata pelajaran perdagangan dan juga Bahasa Kebangsaan.

Berhubung dengan anggaran bagi Sabah, tambahan sa-banyak \$1,726,920 ada-lah di-kehendaki pada tahun ini. Di-sini, juga bilangan murid² telah bertambah dalam beberapa tahun yang lepas. Bilangan murid² sekolah rendah di-negeri itu telah bertambah dari 99,650 pada tahun 1966, kepada 108,750 pada tahun ini, yang berupa tambahan sa-banyak 9,100 atau pun 9%. Di-sekolah² menengah bilangan murid² telah bertambah dari 12,611 kepada 14,685 di-antara masa dua tahun itu yang berupa tambahan lebih daripada 16.4%. Rancangan latehan guru di-Sabah telah terus berkembang dan peruntukan lebih ada-lah di-kehendaki bagi penuntut² di-Maktab² Latehan, termasuk Maktab Kent dan Gaya. Peruntukan tambahan ada-lah juga di-kehendaki untuk menanggung perbelanjaan bagi berbagai² kursus dalam perkhidmatan untuk guru². Kursus² tersebut akan di-adakan dengan besar-an pada tahun ini. Salain daripada itu, ada-lah di-chadangkan Kursus² Latehan Daerah akan di-adakan bagi pertama kali, untuk Guru² Besar di-10 buah pusat, serta kursus² Sains, Ilmu Hisab, Bahasa Kebangsaan dan Sains Rumah Tangga. Tempat² di-sekolah² menengah di-kawasan² luar bandar dalam Negeri Sabah juga sedang bertambah dengan pesat-nya. Dengan itu boleh-lah di-katakan bahawa belanja hidup di-Sabah telah meningkat dari sa-tahun

ka-satahun. Sa-kurang²-nya enam buah Sekolah² Rendah Kerajaan dan empat buah Sekolah Menengah baharu telah di-buka pada tahun lalu, dan ini berkehendakkan wang bagi kelengkapan kerusi meja, perkakas Sains dan jahitan. Tambahan peruntukan adalah juga di-kehendaki pada tahun ini, untuk membeli buku² teks dalam Bahasa Melayu, bagi sekolah² rendah Kerajaan.

Dalam soal buku² teks ini, saya ingin berchakap lebeh lanjut lagi, oleh kerana dalam perbahathan 'am beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tajok ini. Saya ingin meyakinkan Dewan ini, bahawa saya telah mengkaji beberapa jalan dan chara untuk menyelesaikan masaalah ini. Mengikut chara yang ada sekarang, pilehan buku² teks ada-lah terpulang kapada Guru Besar sekolah dengan syarat mereka tidak boleh menukar buku² teks itu dalam tempoh yang tertentu tanpa kebenaran Ketua² Pegawai Pelajaran negeri yang berkenaan. Sistem ini sudah sepatutnya boleh berjalan dengan baik dalam keadaan biasa. Tetapi di-sebabkan oleh bilangan besar sekolah² yang ada diseluruh negeri, sesuatu kesilapan mungkin berlaku dengan tidak diketahui oleh Ketua² Pegawai Pelajaran. Kesalahan² saperti ini, yang di-buat oleh Guru Besar sekolah tidak akan berlaku jika Lembaga² Pengurus Sekolah lebeh berjaga² lagi.

Sa-hingga hari ini belum ada suatu Badan yang tertentu di-Kementerian untuk menyelesaikan masaalah buku² teks. Oleh kerana masaalah ini sangat rumit, dan besar saya rasa sangat-lah perlu di-tubuhkan suatu Pejabat Buku² Teks atau "Text-books Bureau" di-Kementerian. Pejabat ini kemudian boleh-lah menchari jalan dan chara² untuk menyelesaikan masaalah ini supaya dapat memuaskan kehendak² sa-bilangan besar, jika tidak semua, ibu bapa di-negeri ini.

Saya perhatikan juga bahawa dalam perbahathan 'am sa-bilangan daripada Ahli² Yang Berhormat telah juga menyentuh soal guru². Oleh itu saya rasa ucapan saya tidak lengkap, jika saya tidak memberi keterangan rengkas

mengenai perkara ini. Orang ramai telah mengetahui sekarang bahawa beberapa kalangan guru² nampaknya tidak puas hati dengan beberapa syarat perkhidmatan mereka. Mithalnya, mereka telah melahirkan perasaan dengan sebab kemudahan² perumahan dan perubatan dan lain² kemudahan saperti itu tidak di-beri. Mereka telah juga mengemukakan tuntutan² ini kepada Majlis Bersama Kebangsaan untuk Guru² (National Joint Council of Teachers) ia-itu satu Badan perundangan bagi sa-barang perubahan syarat² perkhidmatan guru. Sa-lain daripada itu Kementerian saya atas penyelidekan-nya sendiri telah mendapati beberapa perkara lain yang tidak memuaskan yang ada hubungannya sechara langsung, atau tidak langsung, dengan guru². Ini, dan juga tuntutan guru² itu yang di-kemukakan melalui berbagai kesatuan atau pun ada kala-nya sechara persaorangan terlampau banyak-nya, dan perkara² yang di-tuntut²-nya telah menyebabkan Jema'ah Menteri memutuskan bagi melantek sa-buah Jawatan-kuasa Tertinggi, untuk mengkaji tuntutan² itu, dan membuat shor² atas-nya. Shor² Jawatan-kuasa itu ada-lah sangat radikal dan mempunyai kesan² yang amat mendalam. Oleh yang demikian di-perlukan masa yang lebeh panjang, untuk di-kaji-nya, dari apa yang di-jangka pada mula². Beberapa Jawatan-kuasa Kechil yang terdiri dari Pegawai² Kanan Kementerian saya telah memerksa laporan itu dengan teliti. Laporan Jawatan-kuasa Khas, bersama² dengan ulasan² dari Kementerian saya, telah di-sampaikan pada Ahli² Jema'ah Menteri untuk ma'aluman mereka sa-belum ulasan² daripada Perbendaharaan dan Kementerian² lain di-terima. Sebaik sahaja ulasan² ini di-terima Jema'ah Menteri boleh-lah membincangkan laporan itu dan membuat keputusan di-atas-nya.

Memandang kapada kedudukan yang di-terangkan tadi, sa-kumpulan guru² dalam negeri ini telah mengambil kesempatan untuk menjalankan satu tindakan yang berkesan burok kapada murid². Mereka telah memulaukan dan maseh memulaukan apa yang di-panggil oleh mereka tugas² di-luar

waktu sekolah, dan baharu² ini telah bekerja mengikut peratoran. Langkah² ini ada-lah merugikan murid² sekolah. Mereka juga telah menyatakan niat mereka mengambil tindakan mogok, dan menarek perkhidmatan sa-kumpulan guru² yang tertentu daripada mengajar.

Bagi pehak Kementerian ini kita suka hendak memberi jaminan kepada semua ibu bapa, bahawa walau pun ugutan yang kita hadapi kita akan berusaha sa-berapa daya untuk memberi pelajaran yang tidak mengganggu kepada anak² mereka dengan kerjasama guru² yang lain yang lebih besar bilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan, saya sedar bahawa negeri ini sedang menghadapi kesukaran² mendapatkan wang dan langkah² ketat telah pun dikenakan kepada Kementerian² dan Jabatan² supaya menjimatkan perbelanjaan. Saya juga sedar bahawa kita menghadapi kekeringan sember² wang kita, tetapi saya yakin Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini akan bersetuju dengan saya apabila saya katakan bahawa kita mesti maju ka-hadapan dan mengekalkan dasar pelajaran kita. Pelajaran di-Malaysia Timor dan Malaysia Barat telah berkembang dengan pesat-nya dalam beberapa tahun ini dan peruntukan yang di-kehendaki sekarang bagi Kementerian saya ada-lah jumlah yang sa-rendah²-nya di-kehendaki untuk menghadapi tanggungan² Kementerian yang sentiasa bertambah itu. Saya suka menyakinkan Dewan ini, bahawa Kementerian saya akan terus berusaha, untuk menjimatkan perbelanjaan. Sa-sungguh-nya belanjawan Kementerian ini ada-lah belanjawan ekonomi, kerana segala jumbai² perbelanjaan itu telah di-potong dari Anggaran itu. Saya maseh belum berpuas hati dengan apa yang telah di-buat. Oleh hal yang demikian, saya mengambil keputusan untuk menubuhkan sa-buah Jawatankuasa Khas di-Kementerian dan di-pengerusikan oleh saya sendiri, serta di-bantu oleh Pegawai² Kanan, untuk mengkaji segala bidang dasar yang ada sekarang ini, dengan tujuan dapat di-adakan langkah² berjimat-chermat dengan tidak mengakibahkan kejatohan

mutu sekolah dan guru² kita. Dengan jalan ini, saya harap apabila saya kembali ka-Dewan ini tahun hadapan dengan shor² belanjawan saya, shor² itu akan kurang merunsingkan rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Dewan yang ber-bahagia ini.

Saya yakin Parlimen dan juga Negara ini tentu berkehendakan pelajaran yang sabaik²-nya bagi anak² kita. Oleh yang demikian saya mempunyai penoh keyakinan, bahawa Ahli² Yang Berhormat ini akan menyokong kuat belanjawan Kementerian ini.

Tuan saya pohon menchadangkan.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh dalam Kementerian ini satu dua perkara sahaja, tidak begitu banyak. Yang pertama, S. 18, Pechahan-kepala 9—Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat, pada muka 217 ada di-tulis di-situ sa-banyak \$600,000 dan Pechahan-kepala 7 muka 216 juga—Pemberian untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah sa-banyak \$4,200,000 pada tahun sudah \$4,100,000 jadi ada bertambah sedikit. Tuan Pengerusi, saya rasa di-dalam masalaah ugama Islam ra'ayat—Menteri Ugama tidak ada dalam Dewan ini—walau bagaimana pun mahu ta' mahu maka bergantung-lah kepada Menteri Pelajaran di-situ-lah tempat kita merayu dan kita meminta. Tuan Pengerusi, mengikut keadaan perbelanjaan pada tahun ini ada-lah bertambah \$20 juta lebih, tetapi peruntukan kepada Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat itu saya nampak tidak bertambah, tahun dahulu macham itu, tahun ini pun macham itu, dan boleh jadi, Tuan Pengerusi, \$600,000 pun tidak menghabisi untuk menjalankan pada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat dalam negeri ini, sebab itu saya pun tidak-lah begitu tahu dengan chara halus-nya, tetapi sedikit sa-banyak saya akan sentoh. Banyak Sekolah² Ugama Islam Ra'ayat dalam negeri ini yang tidak ada dapat bantuan, Tuan Pengerusi. Ada sa-tengah-nya pada mula² dapat

bantuan, tetapi di-potong atau cancelled sekarang ini. Alasan²-nya tentu-lah Menteri itu akan jawab, dan macham²-lah chara boleh di-jawab; pehak ra'ayat jelata terima atau tidak terima itu terserah-lah kepada ra'ayat tetapi, Tuan Pengerusi, sa-tengah daripada alasan Sekolah Ugama Islam Ra'ayat yang di-potong bantuan-nya itu kerana ahli jawatan-kuasa yang ada dalam sekolah itu orang yang menjalankan pergerakan politik. Saya pun tidak tahu-lah, Tuan Pengerusi, dalam perkara yang sa-macham ini; politik dengan ugama itu saya tidak tahu. Dahulu betul-lah kita semua dalam Dewan ini patoh kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang mengatakan ugama dengan politik itu tidak boleh di-samakan, kena di-pisahkan, tetapi, Tuan Pengerusi, dalam bulan Ogos tahun 1966 Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah pun menjawab dengan Chara Bertulis dalam Dewan ini kepada sahabat saya wakil dari Bachok yang bertanya, Perdana Menteri mengatakan ugama dengan politik itu tidak boleh di-pisahkan; maka ini-lah yang kami fikirkan yang sentiasa tidak boleh di-pisahkan. Saya pernah berchakap dalam Dewan ini ugama dengan politik itu tidak boleh dipisahkan macham mana masin dengan garam, macham mana manis dengan gula. Saya pergi ka-kedai saya hendak beli gula satu kati, tetapi manis jangan di-beli, tidak boleh, Tuan Pengerusi, sama juga masin, saya hendak beli garam satu kati atau satu chupak kalau di-Kelantan, tetapi masin jangan di-beri. Nyata dan terang kepada kita hari ini berkenaan dengan ugama dengan politik tidak boleh di-pisahkan lagi sudah di-terangkan dalam Dewan ini oleh Tunku Perdana Menteri sendiri. Jadi apa lagi kita beri alasan ini dan itu yang kita tidak beri bantuan kalau-lah keadaan sekolah itu ahli jawatan-kuasa-nya itu daripada orang politik. Ada pula di-antara sekolah² yang tidak champor langsung pun ahli jawatan-kuasa itu daripada orang politik, tetapi di-potong. Kalau-lah Yang Berhormat Menteri tidak puas hati, jumpa saya, saya akan tunjukkan sekolah² itu dan akan di-cheq dengan sa-halus²-nya

mana-kah sekolah yang ahli jawatan-kuasa itu tidak ada daripada orang ahli politik, tetapi di-potong bantuan, saya akan beri, Insha' Allah. Jadi walau bagaimana pun mahu tidak mahu bagaimana yang saya sebutkan saya kena merayu kepada Yang Berhormat Menteri keadaan bantuan ini, peruntukan Kementerian-nya bertambah, tambah-lah bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat dalam negeri ini, dan beri-lah betul² supaya hidup kita bersama dalam negeri ini. Saya rasa dengan sebab ini juga-lah sa-paroh atau pun sa-tengah daripadanya Yang Berhormat Menteri tidak begitu mengambil hirau atau tidak begitu mengambil berat di-atas kedudukan hal ugama dalam negeri ini, tetapi tidak ada orang lain untuk menjalankan tugas-nya.

Tuan Pengerusi, saya suka sebutkan di-sini dalam *Utusan Zaman*, 22 hari-bulan, dukachita perkara yang samacham ini sedikit sa-banyak saya sebutkan, ini ada bersangkutan dengan Yang Berhormat Menteri itu berkata—"Hantu² dajal berselimut dengan jubah² panjang jangan terpedaya—Khair, Taiping, 21 haribulan Januari, orang² Islam di-negeri ini telah di-ingatkan jangan terpedaya dengan hantu² dajal yang berselimut dengan jubah panjang dan serban yang besar, mereka ada-lah topeng Islam yang mempunyai sifat yang fanatik dan kulot ujar Menteri Pelajaran, Enche' Khir Johari ketika beruchap di-perjumpaan Hari Raya semua kaum anjoran Kaum Ibu UMNO di-sini malam ini". Mereka berkata Enche' Khir chuba hendak menimbulkan kekerohan kebebasan ugama yang di-amalkan di-Malaysia. Beliau lalu menyeru orang² Islam di-negeri ini supaya selideki sa-barang ucapan atau pun ajaran ugama sa-belum menerima-nya. Perkara yang samacham ini tentu-lah, Tuan Pengerusi, maka di-akhir itu berkata-lah Menteri, kemudian memberi satu chontoh bagaimana pak² haji dan tok² guru PAS telah mengafirkan ketua² dan ahli² UMNO dengan alasan orang² Melayu berkawan baik dengan orang² yang bukan Islam dalam negeri ini. Ini ada dalam *Utusan Zaman*. Jadi, Tuan

Pengerusi, tidak-lah saya hendak sebut panjang; di-dalam surat-khabar itu ada-lah panjang sebutan-nya.

Saya rasa dalam segi ugama saya suka-lah sebut sa-patah hadith—minta ma'af—Ad-dinu'n nasihat—ugama Islam itu nasihat. Nasihat kita kena tunjok dan kena beritahu kepada orang yang tidak tahu dan kita akan tunjok kepada orang yang sudah sesat jalan. Tuan Pengerusi, saya rasa Menteri Yang Berhormat itu sudah sebut perkara yang sa-macam itu. Sebutan dan kata yang sa-macam itu bukan kepada sa-siapa, ini ada-lah memalukan kepada kedudukan kita dalam segi ugama Islam. Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya bukan orang PAS sahaja yang pakai jubah dan bukan orang PAS sahaja yang pakai serban. Beribu² lagi, bahkan beratus² ribu lagi manusia di-belakang yang pakai serban, termasuk-lah orang UMNO. Orang UMNO itu pun ada-lah sa-bagai penipu dan itu hantu dajal juga. Maka ini ada-lah malu—yang kita pukul, bukan kita pukul orang lain, pukul kepala kita sendiri.

Ini, yang saya suka bagi ingat, walau pun Menteri itu sudah ingat, tetapi kita ingatkan lagi: Kita mengingati itu ada-lah berguna kepada orang Mu'min. Ini-lah, Tuan Pengerusi, rasa saya yang menyebabkan kedudukan kita hari ini. Tidak ada bertambah langsung di-dalam sekolah ugama ra'ayat, sedangkan berpuluh² juta di-tahun ini bertambah dalam Kementerian ini. Tetapi, kenapa tidak boleh di-tambah kepada ugama Islam? Ada-kah ugama Islam hari ini hendak di-hapuskan? Saya harap Menteri Yang Berhormat itu tolong berfikir dua kali dalam perkara yang sa-macam ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya rasa dukachita banyak-lah dalam perkara yang sa-macam ini. Dengan sebab itu dalam keadaan perbelanjaan yang telah di-untokkan itu, di-antara saya hendak sokong, dan di-antara saya hendak kata bersetuju dengan tidak, atau pun tidak puas hati memandangkan kepada kedudukan yang sa-macam ini, dan tidak saya rasa hendak menyekat kepada mana yang di-tambah. Banyak benda² yang di-tambah, sa-

terus-nya sa-bagaimana yang telah saya sebut di-tambah kepada guru² pelajaran dalam sekolah rendah-nya itu, maka itu ada-lah bagus. Tetapi kenapa tidak di-tambahkan kepada sekolah ugama ra'ayat, Tuan Pengerusi, sedangkan sekolah ugama ra'ayat pada tahun ini di-dalam Negeri Kelantan banyak yang roboh kerana banjir, Tuan Pengerusi. Kasehan-lah kepada ugama Islam hari ini. Kalau-lah orang Islam tidak berasa kasehan belas kepada ugama, kita jangan harap kepada orang lain untuk kasehan. Ini-lah, Tuan Pengerusi, di-dalam *Utusan Zaman* ini, yang dia mengatakan pehak² orang ini kafir, sedangkan ada-lah pada masaalah orang yang sekarang ini menchurah² bagi bantuan kepada banjir. Maka kenapa kita ta' boleh lagi kita berbaik². Ini-lah alasan Yang Berhormat Menteri itu yang membolehkan berkongsi dengan orang kafir. Ta' pernah berlaku dalam masaalah kafir-mengkafir. Saya sudah sebut banyak kali di-dalam Dewan ini. Di-dalam Parti Islam Sa-Tanah Melayu tidak ada pernah berlaku kafir-mengkafir kepada siapa pun. Tolong ingat, apa yang saya sebut. Barangkali yang saya sebut di-sini boleh² saya beri jalan, ini peluang, panjang saya beri jalan kepada sa-siapa yang hendak menyoal.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Saya hendak merujuk pandangan Ahli Yang Berhormat itu, bahawa satu berita akhbar baharu² ini "Sebab ta' jadi-nya sembahyang Juma'at di-satu kawasan dalam negeri Kelantan ia-lah berpuncha daripada orang² PAS mengkafirkan orang² UMNO yang berkait dengan orang² yang bukan Islam. Jadi, dengan sebab itu, orang² UMNO ta' mahu pergi ka-masjid yang di-bangunkan oleh PAS". Saya minta Yang Berhormat itu tolong tengok akhbar hari itu. Dan orang yang ta' pergi sembahyang Juma'at hari itu kena pula denda yang, kalau ta' salah ingatan saya, sa-ribu ringgit, fasal ta' sembahyang Juma'at . . . \$250. Ini punchanya daripada perbuatan orang² PAS yang mengkafirkan saudara-nya orang Islam dengan orang Islam.

Tuan Haji Hussain Rahim bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, saya minta

Yang Berhormat tolong bagi tahu di-mana-kah masjid yang tidak di-adakan sembahyang Juma'at itu supaya hendak pergi chek. Saya ta' dapat tahu lagi di-dalam negeri Kelantan ini sa-macham ini, yang saya ini sa-bagai satu ahli jawatan-kuasa Majlis Ugama Islam Kelantan. Tolong beritahu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Saya akan rojokkan kepada Yang Berhormat itu berita dalam akhbar *Utusan Melayu* dalam minggu yang lalu. Saya harap Yang Berhormat itu membacha akhbar itu. Tengok betul?

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, dalam masa-alah akhbar² yang masaalah kafir-mengkafir itu ada-lah dalam akhbar itu-lah juga. Tetapi, perkara itu kalau di-chari tidak-lah dapat dari akhbar itu juga. Kalau-lah ada akhbar itu boleh-kah akhbar itu sa-bagai satu bukti? Sedangkan benda itu ta' ada berlaku.

Mr Chairman: Saya fikir kita habis-kan kesah kafir-mengkafir di-antara dua pehak. Chakap-lah dalam perkara lain.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih banyak di-atas nasehat Tuan Pengerusi. Saya tidak-lah hendak menyebut perkara itu, tetapi di-soal oleh Ahli Muar Utara dan beberapa kali dia hendak soal saya pada masa yang sepi, saya ta' beri. Tuan Pengerusi, itu-lah benda-nya yang saya hendak sebutkan pada hari ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, rasa saya, di-dalam masaalah yang sa-umpama ini, patut juga Menteri Yang Berhormat itu menchermatkan sadikit dalam perkara yang sa-macham ini, supaya di-antara ra'ayat jelata di-dalam negeri ini memikir sama dalam keadaan dudok-nya mengikuti sama kepada Menteri Yang Berhormat itu. Chuba-lah kita fikir, hari ini, di-dalam keadaan kita hari ini dudok di-dalam negeri ini. Sa-bagai kita orang Islam, maka alasan²-nya telah di-beri oleh Menteri itu sa-bagaimana yang telah saya sebutkan, ia-itu alasan yang men-

churah² pehak bangsa lain itu beri bantuan kepada banjir. Maka itu-lah alasan-nya yang di-katakan tidak ada galangan pun untok kita hendak menjadikan satu berkongsi. Maka perkara yang sa-macham ini saya tidak boleh ikut.

Tuan Pengerusi, apa yang telah di-beri pandangan oleh Yang Berhormat itu, sebab perkara yang sa-macham ini berlawanan dengan perkataan Tuhan yang saya ta' boleh ikut pada Menteri ini, walau pun Menteri itu berasa betul-lah di-sisi-nya, tetapi pada sisi Tuhan tidak betul. Saya tidak boleh ikut. Dan saya tidak ingin-lah hendak sebut ayat² itu di-dalam Dewan ini, kerana memanjangkan masa, Tuan Pengerusi.

Ini-lah yang saya sebut pada hari ini dan saya suka mengingatkan kepada kedudukan hari ini jangan-lah kita terlampau sangat kepada kedudukan yang saya sudah beberapa kali sebut, jadi pukul lutut sendiri. Sa-kian-lah.

Mr Chairman: Meshuarat ini ditangguhkan sa-lama lima belas minit.

Sitting suspended at 11.45 a.m.

Sitting resumed at 12 noon.

THE SUPPLY (1967) BILL

Committee

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Heads S. 17, S. 18, S. 19—

Debate resumed.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Mr Chairman, Sir, I rise to give support to this Bill before the House—under Supply Head S. 17, Ministry of Education. Honourable Members will see from the Estimates for 1967 that the amount of money asked by the Ministry of Education for the Ministry in 1967 is the minimum required for providing the essential services for the orderly progress and development of this country and its people. The Alliance Government has, in the Supply Bill of 1967, given a special priority to the

development of Education in Malaysia. Education is the foundation to the development of a country, and it is only through education that we shall be able to develop the full capacity and ability of each individual; and it is only through the development of the individuals that we can ensure the rapid development of our country; and we shall not grudge the money asked by the Alliance Government for Education. I am sure that the House will agree with me that any additional money voted for Education is the best national investment for the future development of our country. It would, however, appear from my experience in the House and my close contacts with the schools in my constituency that it is still possible for the Ministry of Education and their staff to improve the administration of schools and the instruction of pupils and thereby bring about a reduction of expenditure both for providing the present and future services in the field of education. What I would like to see is that more and more of the school-leavers could fix into jobs available in our society. With an annual rate of about 150,000 boys and girls leaving schools the unemployment figure for this age group is one of the highest. Therefore, a large proportion of youthful energy should be properly tapped, so that delinquency and the secret society menace will decline over the years. This is becoming an important social problem everywhere in the country. Thank you, Sir.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tum-pat): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam membahaskan peruntukan untuk Kementerian Pelajaran ini. Kita tengok pada peruntukan tahun ini memang-lah banyak bertambah-nya kalau di-bandingkan dengan peruntukan sa-tahun ka-satahun daripada tahun² yang lepas, yang mana peruntukan tahun ini telah bertambah lebeh daripada \$31 million daripada peruntukan bagi tahun 1966 yang mana peruntukan dalam tahun 1966 itu hanya-lah bertambah \$20 million sahaja daripada peruntukan tahun 1965. Dan saya turut sama menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah menjalan-

kan usaha-nya untuk memajukan lapangan pelajaran bagi negara ini, kerana untuk menjamin kemajuan sa-sabuah negara masalaah pelajaran-lah yang patut di-ambil berat dan yang mesti di-utamakan daripada masalaah² yang lain.

Tuan Pengerusi, saya menguchapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana telah berjaya mendirikan lebeh banyak lagi sekolah² menengah di-kawasan² luar bandar dalam negeri ini, dan bukan sahaja mendirikan sekolah² menengah lebeh banyak, tetapi juga telah menambah dan telah melengkapi sekolah menengah itu dengan kelengkapan² dan peralatan pelajaran yang modern yang saya rasa dahulu-nya memang-lah, terutama sa-kali sekolah² luar bandar dari peringkat rendah sampai-lah peringkat menengah, kalau yang ada sa-buah dua pun tidak mempunyai kelengkapan dan peralatan² modern sa-bagaimana yang telah ditambah dan di-beri kepada tahun² yang akhir² ini. Tetapi satu hal yang saya ingin perkatakan, Tuan Pengerusi, dalam masalaah sekolah² menengah yang banyak yang baharu di-dirikan ialah kebanyakan daripada sekolah² menengah yang baharu di-dirikan ini tidak mempunyai asrama² untuk penuntut² yang jauh dari sekolah² itu. Saya perchaya kalau-lah Kerajaan (pehak Kementerian ini) dapat mendirikan asrama² yang lebeh banyak kepada sekolah² menengah ini sudah tentu-lah akan dapat merengankan bebanan bagi ibu bapa, penduduk² luar bandar yang miskin itu yang mana terpaksa menanggung persekolahan anak²-nya yang sangat berat. Bagitu juga murid² tidak-lah lagi terbuang masa tiap² hari, dua atau tiga jam kerana menunggu basikal, atau menunggu bas² untuk perjalanan yang jauh berulang alek ka-sekolah² menengah itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentoh masalaah kekurangan guru² yang berkecukupan terutama sa-kali di-kawasan Pantai Timor, bagaimana kita pernah tahu dalam akhbar² selalu di-siarkan berita² tentang kekurangan guru² yang berkecukupan di-Pantai Timor ini kerana kebanyakan daripada guru² yang berkecukupan memang tidak

bagitu suka berkhidmat di-kawasan Pantai Timor kerana mereka menganggap di-sana kawasan yang tidak maju, perhubungan-nya susah dan macham² lagi, tempat kediaman-nya susah menyebabkan mereka tidak bagitu suka berkhidmat di-sana.

Saya berharap-lah, Tuan Pengerusi, supaya pehak Kementerian ini berikhtiar menchari jalan dengan apa chara sa-kali pun untuk mengatasi perkara ini dan saya fikir satu²-nya perkara yang baik untuk mengatasi perkara ini bagaimana pernah, saya rasa, di-kemukakan dalam Dewan ini, ia-itu supaya mengadakan elaun khas kapada guru² yang mengajar di-Pantai Timor bagaimana pegawai² dagang yang dapat elaun berdagang ka-negeri kita ini, maka tidak salah-lah kalau kita memberi elaun khas kapada guru² kita walau pun dalam negeri mereka sendiri, kerana mereka di-anggap sa-olah² mereka berdagang dan telah di-dagangkan ka-Pantai Timor.

Satu lagi chara saya rasa paling berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan guru berkelayakan di-Pantai Timor ini supaya pehak Kerajaan mengadakan undang² khas untuk menchegeh mereka daripada meletakkan jawatan sa-telah di-tukarkan ka-Pantai Timor, kerana bagaimana kita tahu sekarang ini, kebanyakan guru² banyak juga di-antara guru² yang berkelayakan sa-telah mereka di-tukarkan ka-Pantai Timor, tidak berapa tahun mereka ka-sana mereka terus memohon meletakkan jawatan. Saya rasa tidak ada jalan lain pada mereka ini melainkan Kementerian ini mengadakan undang² khas untuk menchegeh mereka ini daripada meletakkan jawatan. Kerana nampak-nya chara² yang di-buat oleh Kementerian sekarang ini dengan pujok² atau merayu² kapada mereka ini supaya jangan meletakkan jawatan, kasehan-lah kapada orang² di-Pantai Timor, nampak-nya chara² ini tidak berkesan, Tuan Pengerusi. Itu-lah saya meminta supaya Kerajaan mesti bertegas dalam perkara ini kalau tidak penduduk² di-Pantai Timor, yang kebanyakan-nya terdiri daripada bumiputera, akan menerima nasib yang burok dalam

mendapat layanan pelajaran pada mereka.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin menyentuh ia-lah masalah kedudukan gaji bagi guru² ugama di-sekolah² menengah dan juga di-sekolah² rendah. Walau pun memang-lah kedudukan guru² ugama di-sekolah² rendah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri, tetapi saya berharap Kementerian ini dapat mengambil tahu sama. Kita selalu mendengar jeritan² dan rintehan² yang di-keluarkan oleh guru² ugama di-sekolah² menengah dan di-sekolah² rendah di-negara kita ini melalui persatuan² kesatuan² mereka, juga melalui akhbar² tentang bagaimana-kah azab dan sengsara-nya kehidupan mereka ini dan tentang bagaimana burok-nya layanan yang di-beri kapada mereka ini dalam masalah gaji. Walau pun ada Kesatuan² Guru lain yang meminta gaji lebeh, tetapi saya rasa tidak-lah ada Kesatuan Guru² dalam negeri ini yang mendapat layanan yang paling burok bagaimana yang di-terima oleh guru² ugama sekarang ini.

Bagaimana kita semua tahu sa-tengah² daripada guru² ugama di-sekolah menengah yang mana ini terta'alok di-bawah Kementerian Pelajaran, mendapat gaji tidak sampai \$100 pun sa-bulan ia-itu-lah gaji mereka hanya-lah di-beri lebeh sedikit ia-itu kira² dua kenaikan daripada gaji yang di-terima oleh guru² ugama di-sekolah rendah yang di-bayar oleh Kerajaan Negeri. Umpama-nya, kalau guru² ugama di-sekolah² rendah mendapat gaji \$84.00 sa-bulan gaji permulaan, maka guru² ugama di-sekolah menengah ini di-berikan-lah dua kenaikan lebeh yang mana di-katakan kenaikan ini bukan-lah kenaikan, yang sa-benar-nya non-pensionable allowance, ia-itu lebeh kurang kalau-lah negeri itu gaji guru² ugama-nya di-sekolah rendah \$84.00 dengan kenaikan \$4.50 sa-tahun maka guru² ugama di-sekolah menengah mendapat kenaikan \$9.00 lebeh daripada guru² ugama di-sekolah rendah bagi negeri itu. Ini ia-lah sangat tidak 'adil, Tuan Pengerusi yang mana guru² ugama ini walau pun memang-lah sa-tengah² guru ugama itu mendapat pelajaran rendah tetapi

mereka telah menjalankan tugas² yang berat, tugas yang mana tugas mereka ini mengajar penoh masa bagaimana juga guru² yang lain. Jadi saya harapkan pehak Kementerian dapat mengemukakan satu tangga gaji yang baik dan berpadanan dengan guru² agama ini.

Bagaimana yang saya katakan tadi, walau pun guru agama sekolah² rendah itu terletak di-bawah Kerajaan Negeri, tetapi saya suka-lah menyeru kepada Kementerian ini supaya mengambil satu initiative yang tegas untuk menyatukan semua tangga gaji guru² agama di-sekolah² rendah dan di-sekolah² menengah di-negeri ini. Kalau Kementerian ini, bagaimana yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan sa-kejap tadi, sanggup untuk mengadakan kursus² bagi guru² agama bukan sahaja di-sekolah² menengah juga di-sekolah² rendah bagaimana Menteri mengumumkan tadi, Kementerian akan berikhtiar mengadakan kursus bagi guru² agama sekolah² rendah walau pun guru agama sekolah rendah terta'alok di-bawah Kerajaan Negeri, maka saya rasa tidak ada salahnya pehak Kementerian ini mengambil satu initiative yang tegas untuk menyusun tangga gaji yang baik yang diberikan sama rata bagi semua guru² agama di-seluruh Malaysia ini.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penoh di-atas Anggaran Perbelanjaan tahun 1967 mengenai Pechahan-kepala 1, muka 217—Pemberian kepada Sekolah Rendah—anggaran-nya lebeh kurang \$7,490,000 daripada tahun lalu. Di-sini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan juga sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia yang telah menyediakan wang peruntukan sa-banyak yang di-sebutkan itu. Saya perchaya dengan ada-nya wang peruntukan sa-banyak itu, maka masa hadapan akan cherah dan penoh dengan kejayaan dalam bidang pelajaran. Ini tidak shak lagi menunjukkan betapa bijak-nya Menteri Pelajaran kita merancangkan segala pelajaran ketika ini

dengan memandang jauh untuk memelihara pelajaran kanak² kita pada masa hadapan, bukan sahaja bagi keperluan mereka itu bahkan untuk mencapai kemajuan pelajaran pemuda² dan pemuda² kita. Saya anggap pelajaran-lah satu mu'jizat yang akan menukar negara kita yang sa-penoh kemajuan kepada satu negara yang akan mempunyai sa-penoh² kemajuan dalam beberapa lapangan terutama sa-kali dalam lapangan science dan technology sa-umpama dengan negara² yang lain di-mana yang telah maju dalam dunia ini. Pendek-nya pelajaran-lah satu kunci yang tidak ternilai bagi pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, di-kawasan saya ada dua buah sekolah rendah China Jenis Kebangsaan—nama sekolah² itu Chong Cheng di-Kulim dan lagi satu Kwang Wah di-Bandar Baharu. Kedua² Sekolah ini terletak dalam dua buah rumah kedai yang di-sewa oleh Pejabat Pelajaran Negeri Kedah. Saya faham mulai 1hb Januari, 1967, rumah² ini akan dinaikkan sewa-nya sa-banyak 100% ia-itu satu tanggungan yang di-nyatakan oleh Kementerian Pelajaran. Ketika ini sekolah ini hanya mendapat pemberian sa-banyak \$12,000 sahaja dalam tahun 1965 dan di-taksirkan pembenaan bangunan sekolah baharu ini anggarannya agak \$60,000 bagi lebeh kurang 8 bilek darjah sahaja. Jadi sekolah ini berkehendakkan pemberian wang daripada Kementerian Pelajaran untuk membena sa-buah sekolah baharu di-Pekan Kulim.

Mengenai Sekolah Kwang Wah di-Bandar Baharu, jenis sekolah ini ada pemberian dalam tahun 1965 sa-banyak \$12,000. Taksiran bangunan sa-buah sekolah baharu ini di-taksirkan lebeh kurang \$60,000 bagi bilek² darjah sahaja. Maka nyata-lah sekolah ini juga berkehendakkan pemberian wang daripada Kementerian Pelajaran yang wajar untuk membena sa-buah sekolah baharu di-Pekan Bandar Baharu. Kedua² sekolah ini telah ada tapak² tanah disediakan, jadi soal tanah tidak ada kesulitan apa² pun hanya di-kehendaki wang pemberian bagi pembenaan kedua buah sekolah sahaja.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kesimpulan-nya terpaksa-lah saya bagi pehak penduduk² Kulim Bandar Baharu, merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, menjayakan harapan yang besar bagi penduduk² di-kawasan saya terhadap pembenaan dua buah sekolah baharu tersebut itu. Bagi pehak saya, maka saya telah menyuarakan di-sini keazaman penduduk² di-kawasan saya mengenai perkara ini dan terpulang-lah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbangkan permohonan ini dengan simpati dan mengeluarkan kelulusan-nya, kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran ialah sa-orang Menteri yang tidak biasa lupa, tanggung-nya kepada ra'ayat, tentu-lah boleh menjayakan chita² ra'ayat di-kawasan saya. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi pandangan² diatas peruntukan untuk Kementerian Pelajaran ini, saya rasa hairan juga tadi, bila Ahli dari Kota Bharu Hulu yang jarang² membuka mulut-nya didalam Dewan ini, telah bangun dan berchakap membawa perkara yang ta' kena-mengena langsung dengan peruntukan bagi Kementerian Pelajaran. Soal tentang kafir-mengkafir dan sabagai-nya, tidak ada kena-mengena langsung dengan Kementerian ini. Tetapi sayang-nya, Tuan Pengerusi, Ahli itu chuba hendak menapikan perkara yang di-lakukan oleh beliau dan rakan²-nya sendiri di-Kelantan, yang menimbulkan kekachauan politik kita sa-lama ini di-sa-belah sana. Soal kafir-mengkafir ini bukan UMNO yang memulakan—soal kafir-mengkafir ini perbuatan orang PAS dan Dewan Ulama' PAS dan, pada Kerajaan ada tersimpan *tape recording* ucapan tokoh² PAS, antara-nya Tuan Haji Omar yang telah menerangkan dengan jelas-nya, siapa dia yang telah mengambil bahagian dalam satu meshuarat di-rumah Dato' Ishak Lotfi, bekas Menteri Besar Kelantan, yang telah meluluskan ketetapan mengkafirkan orang² UMNO. Tersebut di-antara-nya nama² itu ia-lah Tuan Haji Hussein Rahimi yang menjadi Ketua Dewan Ulama' PAS sendiri. Maka kalau beliau pada

hari ini datang menafikan dalam Dewan ini tentang perkara ini, maka nyata-lah tanda orang Ulama' PAS yang lidah-nya berchabang dan ini-kah orang-nya yang hendak di-minta supaya orang Melayu mengikut-nya dan memimpin Islam konon-nya! Ini-lah, Tuan Pengerusi, yang menjadi puncha kekachauan politik di-sabelah sana—di-Kelantan—yang tadi Ahli daripada Muar Utara mengatakan, “sampai berpechah² dalam kampung, sampai tidak berjuma'at, sampai hukum-menghukum—sa-mata² kerana satu pehak mengkafirkan pehak yang lain, sehingga perpechahan ini.”

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta jalan. Boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu menafikan bahawa sa-nya di-dalam Perikatan itu ada orang kafir.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya suka menegaskan lagi, bahawa di-atas perbuatan ulama² PAS dan ketua² PAS ini-lah yang membawa Majlis Ugama Raja² dan Majlis Raja² mengeluarkan fatwa yang tegas sa-belum pilihan raya tahun 1964 tentang perkara ini; dan ini tidak dapat di-nafikan oleh sa-siapa pun.

Tuan Pengerusi, tentang soal Sekolah² Ugama Ra'ayat, tentang soal, konon-nya Ahli² jawatan-kuasa champor dalam politik. Perkara ini, kadar sa-panjang yang dapat saya fahamkan, bukan di-larang ahli² jawatan-kuasa yang mana pun champor politik, tetapi di-bawa politik ka-partian itu di-dalam sekolah. Ini soal yang menghanchorkan sekolah². Soal politik, sa-siapa pun bebas menganuti-nya, tetapi, soal politik ka-partian itu di-bawa ka-sekolah, dan di-bawa kepada murid² sekolah itu ya'ani di-peralatkan sekolah itu dan murid² sekolah itu. Ini yang menjadi persoalan dan perkara ini saya perchaya banyak berlaku di-negeri Kelantan sendiri.

Tuan Pengerusi, barangkali tidak bertambah-nya peruntukan kerana Sekolah² Ugama Ra'ayat ini, kerana maseh tidak ada sekolah ugama ra'ayat yang bererti, yang dapat memberi sumbangan yang besar kepada negeri. Kalau Ahli dari Kota Bharu Ulu

mengatakan, dengan tidak menambahkan bantuan tahun ini kepada Sekolah Ugama Ra'ayat, maka erti-nya hendak menghapuskan ugama Islam—ada-kah beliau itu berpendapat, bahawa ugama Islam itu hanya ada pada Sekolah Ugama Ra'ayat sahaja? Ini-lah chara pemikiran yang telah memundorkan orang Islam dan umat Islam sa-lama ini, Tuan Pengerusi. Orang dengan sains, dengan teknologi, dengan kapal terbang, dengan jet, kita maseh memikirkan besarkan Sekolah Ugama Ra'ayat, besarkan Sekolah Ugama Ra'ayat. Ini-kah chara orang PAS dan ketua² PAS hendak memimpin orang Melayu di-Kelantan dan di-Persekutuan Tanah Melayu ini dan seluroh Malaysia ini? Kalau ini chara-nya, maka kita mengatakan, barang di-chuchorkan rahmat sahaja-lah oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang² Melayu di-Kelantan khusus-nya.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit tentang muka 211—Bantuan kepada Asrama Penuntut Malaysia di-Kahirah. Pada tahun ini bertambah sedikit, dalam \$4,000. Satu perkara yang saya suka hendak menarik perhatian dalam perkara ini, ia-lah asrama ini telah di-dirikan dengan belanja yang besar dan menjadi kemegahan kepada kita dan kepada penuntut² kita di-Timor Tengah. Tetapi dahulu, dua tiga tahun yang lepas di-pilih sa-orang warden, yang saya rasa tidak kena pemilihan-nya hingga menimbulkan pechah-belah antara penuntut² di-Kahirah dan sa-hingga berlaku satu keadaan yang memaksakan warden ini berhenti sendiri daripada kerja-nya dan balek ka-Malaysia. Sekarang sudah hampir sa-tahun, warden itu belum di-ganti, dan tidak tahu bila-kah Kementerian ini hendak meng'iklankan untuk di-ganti jawatan ini sedangkan penuntut² di-sana bertambah—sekarang ini 300 barangkali pada tahun ini 400 orang dan keadaan mereka tidak di-pelihara.

Saya rasa untuk menjadi panduan memilih warden ini, harus-lah orang yang di-pilih itu, orang yang ada latar belakang-nya dengan kehidupan di-sana, dan telah pernah belajar di-sana dan tahu menghadapi masharakat

di-sana dan supaya urusan soal hendak menyediakan keperluan menuntut di-sana, makan minum dan sa-bagai-nya, hendak berkira bichara dengan orang² yang berjual-beli dan macham² perkara. Kalau orang yang di-pilih macham warden yang pertama dahulu, yang hanya lulus daripada Sekolah Almashhur di-sini dan kelulusan Inggeris sedikit—dari itu orang yang di-pilih yang ta' tentu latar belakang-nya, sangat susah mereka itu hendak menjalankan kerja. Jadi harus-lah di-pilih di-antara orang² yang telah ada hubungan dan pengalaman sedikit sa-banyak dengan kehidupan di-sabelah sana, di-Masir—di-Timor Tengah atau di-Kahirah.

Saya suka hendak melanjutkan tentang soal ini, ia-itu oleh kerana kita memberi perhatian berat, mengambil berat tentang kebajikan penuntut² di-Masir dan di-Timor Tengah, saya suka hendak menyatakan kegembiraan diatas pengakuan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu² ini, tentang azam Kerajaan hendak meng'itiraf ijazah² dari Masir. Soal-nya sekarang, bila-kah hendak di'itiraf? Harus-lah perkara ini, yang telah di-perjuangkan beberapa lama, diambil tindakan yang lebeh segera bagi memberi peng'itirafan yang penoh kepada ijazah² yang di-keluarkan daripada Masir, bukan sahaja ijazah daripada Al-Azhar, tetapi juga ijazah² daripada pusat² pengajian yang lain dan Universiti² yang lain yang ada di-Masir dan di-Timor Tengah. Saya, Tuan Pengerusi, hendak menchadangkan lebeh lagi jauh daripada itu. Saya hendak menchadangkan supaya ijazah² daripada Masir ini di-terima dan di'itiraf bukan sahaja sa-bagai kelayakan untuk jawatan² khas yang bersangkutan dengan ugama, tetapi juga menjadi kelayakan untuk di-terima kadalam jawatan pentadbiran Kerajaan Pusat dan Negeri kerana kita banyak mempunyai bakat² daripada anak² kita yang belajar bagitu ramai di-Timor Tengah. Dan saya rasa kelulusan dan latehan mereka itu, sa-bagai pelajar² yang telah mendapat pelajaran tinggi di-universiti, boleh-lah sama sa-taraf dengan pelajar² di-universiti yang lain, maka harus di-timbangkan bukan dari

segi mengitiraf ijazah itu sa-bagai pelajar² tinggi ugama, tetapi sa-bagai orang² yang mendapat latehan pelajaran tinggi yang layak di-beri jawatan dalam jawatan pentadbiran² tinggi negeri ini yang saya tahu memang banyak lagi kekosongan-nya, dan dengan ini kita dapat menampung akan kehendak quota dalam jawatan M.C.S. atau jawatan² pentadbiran Negeri.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya hendak sentoh muka 218 tentang bantuan kerana pengajaran tinggi Islam untuk Jabatan Pengajian Islam di-universiti dan untuk maktab Islam. Baharu sa-bentar tadi, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi penjelasan tentang penyusunan baharu hendak di-lakukan di-Kolej Islam itu, dan dua hari yang lepas, surat-khabar *Malay Mail* ada menyiarkan satu kenyataan daripada Pendaftar Kolej Islam tentang sukatan² baharu dan chara² pelajaran baharu yang hendak dimasukkan ka-Kolej Islam, termasuk pengajian² tentang perubatan, sains pertanian dan lain² lagi. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan jika demikian sudah ranchangan hendak di-lakukan kapada Kolej Islam, maka ada-kah sa-takat menjadi Pusat Pengajian Tinggi Islam sahaja atau memang pada maksud yang mu'tamad-nya untuk menjadikan dia sa-bagai universiti sa-bagai satu bahagian daripada universiti atau sa-bagai universiti yang tersendiri kelak. Ini satu perkara yang sangat mustahak bagi kita menentukan bahawa segala penyusunan baharu di-buat ini akan membuahkan hasil yang dapat betul² menampung segala keperluan masharakat kita pada hari ini.

Saya beredar pula, Tuan Pengerusi, kapada muka 219 tentang Universiti. Satu berita yang agak menghairankan juga kapada sa-tengah² orang ia-lah berita yang keluar baharu² ini tentang lantikan Naib-Chancellor baharu bagi Universiti yang di-ambil daripada sa-orang Pensharah dagang. Banyak orang berfikir sa-telah Naib-Chancellor yang lama berhenti dan bersara dan kembali ka-England, maka sudah sampai-lah masa-nya universiti ini hendak di-kendalikan oleh anak negeri sendiri, dan sudah di-kendalikan dalam masa

sa-tahun lebih oleh dua orang anak negeri kita sendiri yang menjadi Pemangku Naib-Chancellor, tetapi kenapa-kah kita perlu mengambil sa-orang Pensharah dagang lagi untuk memegang jawatan Naib-Chancellor ini pada hal hendak di-katakan kurang anak² negeri berkelayakan bahkan kalau di-chari memang ada. Sekarang kita terpaksa menunggu 18 bulan lagi, sa-hingga habis konterek Naib-Chancellor yang baharu ini, yang akan datang dalam bulan ini juga baharu-lah kelak kita dapat di-kendalikan Universiti ini oleh sa-orang Naib-Chancellor daripada anak negeri. Perkara ini saya rasa, Tuan Pengerusi, patut-lah di-timbangkan sa-mula supaya kalau dapat di-cheptakan lagi masa anak negeri memegang jawatan Naib-Chancellor Universiti, pusat pengajian yang tertinggi di-tanah ayer kita ini yang menjadi harapan pergantungan seluruh kebangkitan bangsa dan nusa kita.

Kemudian bersangkut-paut dengan Universiti ini, Tuan Pengerusi, banyaklah sungutan ra'ayat yang saya dengar tentang Pensharah² Universiti ini yang suka benar menchampioni soal politik, mereka terang² mengambil bahagian yang chergas dalam politik dengan tidak silu² lagi. Orang² yang sa-bagai ini ada-lah pada pendapat saya menchemarkan dan mengotorkan campus universiti. Dan jika mereka hendak sunggoh² menjadi ahli politik, tinggalkan jawatan dalam universiti, tempat kita mengasoh anak² negeri kita di-situ supaya datang berterang² dalam medan perjuangan politik ini berhadapan dengan segala ahli politik yang ada daripada segala parti yang ada dalam Dewan ini, tidak berselindong sa-balek bekerja sa-bagai Pensharah, tetapi sa-balek itu menjalankan kegiatan yang penoh dalam perkara politik, dan terang² menentang segala kegiatan Kerajaan yang ada pada hari ini. Jadi saya rasa pehak Universiti tidak harus berdiam diri, pehak Universiti Council tidak harus berdiam diri dengan keadaan² ini. Saya tidak tahu ada-kah tidak peratoran² dalam Universiti yang boleh mengawal perkara ini. Jika di-biarkan keadaan ini

berleluasa maka akan berchamport-baur-lah keadaan² yang tidak enak ini, yang tidak sihat ini dengan penuntut², dan ini menjadi suatu permulaan bagi satu masa yang gelap bagi universiti kita sendiri.

Saya chabar Pensharah² itu yang berterang² mengatakan mereka itu ahli politik dan menulis dalam majallah² dan bersharah di-mana² supaya letak jawatan dalam universiti dan mari kita bertanding di-tengah medan politik ini (*Tepok*).

Tuan Pengerusi, saya beraleh sekarang kepada bahagian Maktab² Latehan Guru. Saya telah di-fahamkan ia-itu dalam tempoh kita semua menuju ka-arrah betul² menjadikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar dalam sekolah² rendah atau pun menengah, Bahagian Latehan Guru dalam Kementerian ini tidak menjalankan usaha yang sa-benar² positive untuk menampung kekurangan guru² yang boleh mengajar di-semua mata pelajaran dalam bahasa kebangsaan. Kita hanya memekek² mengatakan pelajaran dalam bahasa kebangsaan, kita hanya memekek² mengatakan kita kurang guru², guru sains, guru ilmu 'alam, guru tawarikh dan lain² lagi. Kita menghantar umpama-nya, Ketua Penasihat Pelajaran ka-Jakarta untuk meninjau sama ada kesanggupan membantu dari sana, tetapi berapa lamakah kita boleh berbuat bagini? Memadai-kah dengan mengharapakan bantuan negara atau kuasa lain dari Barat atau dari Jakarta sahaja? Yang saya ingin tahu apa-kah langkah² yang sudah di-ambil dan yang akan di-ambil oleh Penolong Penasihat Bahagian Guru² untuk menampung kekurangan ini pada masa hadapan.

Menurut hemat saya sa-takat ini sudah 10 tahun merdeka, hanya guru bahasa sahaja yang di-sediakan melalui Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai. Itu-lah satu sahaja Maktab Latehan Guru² menengah yang bahasa penghantar-nya bahasa kebangsaan. Jangan tidak, di-Pulau Pinang di-Maktab Latehan Guru² Menengah di-situ ada juga di-ambil guru² untuk di-lateh mengajar Ilmu Hisab dan Sains melalui bahasa kebangsaan, tetapi itu

untuk melepaskan batok di-tangga sahaja. Tiap² tahun, dalam satu dua tahun ini ada-lah 7-8 orang sahaja guru² Melayu lulus dari situ. Chukupkah ini? Dan saya hendak tahu apakah usaha chara latehan guru² untuk mengatasi masaalah ini, ada-kah chara ini berpuas hati, membiarkan hal ini terus-menerus berlaku supaya bahasa Inggeris kekal di-gunakan untuk kelas² mata-pelajaran ilmu² khas seperti sains ini? Sa-patut-nya sa-jajar dengan tumbuh-nya sekolah² menengah kebangsaan seperti chendawan di-segenap pelusok tanah ayer kita ini, maka di-tubuhkan pula Maktab² Latehan Guru Menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar-nya untuk melateh guru² dalam mata-pelajaran khas lebeh² lagi Ilmu Hisab dan Sains.

Maktab Kirby di-England di-tutup, ganti-nya Maktab Perguruan di-Lembah Pantai, yang memakai bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris. Brinsford di-England di-tutup, ganti-nya Maktab Perguruan dalam mata-pelajaran urusan rumah-tangga dan sains pertanian di-Johor Baharu yang memakai bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris.

Saya ta' menchadangkan Maktab² Menengah seperti ini di-tutup dan di-gunakan bahasa kebangsaan. Tetapi chawangan Latehan Guru ini, di-Kementerian ini, biar-lah berlaku 'adil, sa-lari dengan Maktab² Perguruan yang bahasa penghantar-nya bahasa Inggeris seperti ini, biar-lah ada juga Maktab² Perguruan Menengah yang bagitu juga, tetapi menggunakan bahasa kebangsaan untuk mata²-pelajaran khas ini. Sa-buah Sekolah Menengah 'Alam Shah yang di-agong²kan itu ta' memadai untuk beribu² murid yang dahagakan pelajaran sains di-seluruh tanah ayer kita ini, apa lagi Kementerian Pelajaran sendiri, sekarang ini menggalakkan anak² bumiputra supaya mengambil mata-pelajaran sains dengan lebeh² berat lagi.

Juga, dalam satu dua tahun sudah, ada juga ura² hendak di-bena sa-buah Maktab Menengah di-Kuala Trengganu, di-tempat saya, tetapi itu untuk tempat pindahan Maktab Bahasa yang

ada sekarang ini. Itu pada pandangan saya, tak kena. Jangan kechewakan orang² Malaysia. Pada mereka, Maktab Bahasa di-Lembah Pantai, merupakan lambang keagungan bahasa kebangsaan dan bukti bahawa Kerajaan kita benar² hendak mendaulkan bahasa kita itu.

Sa-kali lagi, saya menyeru supaya Kerajaan menubuhkan Maktab² Perguruan Menengah lain, untuk guru² menggunakan bahasa Malaysia dalam mengajar mata²-pelajaran sains dan ilmu² khas seperti Ilmu Alam, Ilmu Tawarikh, Ilmu Sains, Ilmu Hisab, Sains Pertanian, Ilmu Teknik dan lain² lagi.

Oleh sebab saya sudah berchakap mengenai peranan yang di-mainkan oleh Maktab Perguruan Bahasa, maka saya beraleh pula kepada muka surat 209, Pechahan-kepala 27—Pengangkutan dan Perjalanan dalam cheraian Latehan Guru ini. Baharu² ini dalam bulan puasa yang sudah, saya turut serta dalam jawatan-kuasa Pertandingan Membacha Qur'an dan berpeluang memerhatikan dari dekat, keadaan Bas Maktab Perguruan Bahasa itu. Kedua² Bas Maktab ini, saya di-fahamkan, di-beli awal² Januari, tahun 1959—sudah lapan tahun lebih umur-nya, lebih lapan tahun.

Bila saya perhatikan bas itu digunakan untuk mengangkut peserta² pertandingan Membacha Qur'an itu dari luar negeri pula—saya tertanya² bila agak-nya bas itu runto? Maktab² Menengah atau Maktab Perguruan lain, sudah ada bas baharu berumur dua atau tiga tahun, di-beri lagi bas baharu, tetapi nasib Maktab Bahasa ini sa-olah² di-lupakan. Yang saya hendak tahu daripada Kementerian ini, ada-kah \$2,134,120 ini termasuk aggaran untuk membeli sa-buah bas baharu menggantikan bas tua yang sangat uzor di-Maktab Bahasa itu? Jika tidak ada, saya menchadangkan supaya di-pujuk²-lah Pegawai Perbendaharaan menaiki bas itu, kerana baharu hari Juma'at yang lalu saya nampak dalam perjalanan saya ka-Rumah yang berbahagia ini, bas itu terkandas dekat bengkel di-Jalan Pantai Baharu. Melihat keadaan-nya,

saya tidak pelek kalau di-beritahu dalam sa-tahun, bas itu pada masa² akhir ini, enam bulan ada di-bengkel.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh pula kepada muka surat 181, Butiran (95) dan muka surat 183 Butiran (131)—Pensharah² Kanan dalam Latehan Perguruan ini. Saya sudah pun menyemak Buku Senarai Pegawai Persekutuan untuk tahun 1966 dalam mana tertulis Pegawai Division I. Dalam muka surat 71 Senarai itu ada di-nyatakan sembilan orang sahaja Pensharah kanan-nya; sa-orang sudah pun habis konterek-nya; sa-orang chuti rehat di-U.K.; sa-orang memangku jawatan Pengetua Maktab Sultan Idris Tanjong Malim; sa-orang memangku Jawatan Naib Pengetua Maktab Perguruan Bahasa—jadi hanya ada lima orang sahaja Pensharah Kanan sekarang. Dalam muka surat 71 itu tertulis juga 63 jawatan kosong. Saya hendak bertanya, bagaimana dalam muka surat 181 dan 183 ini sa-olah² kesemua jawatan tujuh puluh orang Pensharah Kanan itu sudah pun terisi; peruntukan untuk-nya pun berubah daripada \$290,213 dalam 1966 kepada \$291,360 untuk tahun 1967 dalam Butiran (95). Saya kira pula bilangan Pensharah yang memangku Jawatan Pemangku Pensharah Kanan—jumlah-nya 27 orang dalam buku² Pegawai.

Satu lagi soalan saya kepada Chawangan Latehan Guru² dalam Kementerian ini, ada-kah usaha² dan jika ada bila, bagi Kementerian ini hendak mengisahkan jawatan pensharah² yang memangku jawatan Pemangku Pensharah Kanan itu dalam jawatan tersebut? Boleh-kah jadi, Tuan Pengerusi, memangku sahaja bertahun²? Saya katakan demikian, kerana saya telah di-fahamkan bahawa hampir² semua Penyelia Pusat² Latehan Harian, termasuk-lah barangkali di-Pusat Latehan Harian di-Kuala Trengganu menjadi Pemangku Pensharah Kanan. Ada dua orang Pensharah ini yang menjadi Pemangku Pensharah Kanan sudah lapan tahun lama-nya; pernah pula di-perchayai memangku jawatan Pengetua di-Kota Baharu, di-Maktab Perguruan Pengkalan Chempa; sa-orang lagi sa-bagai Pemangku Naib Pengetua di-Maktab Perguruan. Pada

hemat saya, Tuan Pengerusi, Kementerian patut-lah berlaku lebih 'adil sedikit dalam hal bagini. Jangan-lah hendak-nya tentang tugas, beban kerja, tanggung-jawab, masalaah tadbir, mereka ini di-perchayai boleh di-pertanggung-jawabkan. Tetapi, bila sampai hendak menaikkan pangkat, chuma hendak mengisahkan sahaja timbul pula keraguan; timbul pula tanda soal; boleh-kah dan layak-kah? Kalau betul² ta' ada kelayakan, apa lagi bagi sa-tengah daripada sa-tengah mereka lapan tahun lama-nya memangku, apa salah-nya bagi Kementerian memberitahu mereka untuk kembali kepada jawatan lama—ia-itu Pensharah biasa? Saya rasa membiarkan perkara ini terus-menerus begitu sahaja—ta' ubah macham bergantung ta' bertali—lebih daripada kedaan nushuz dalam soal perkahwinan.

Jangan pula Kementerian ini akan berkata, bahawa Kementerian ta' boleh buat apa² pada masa ini, kerana ada arahan baharu mengenai pembekuan jawatan² kosong oleh Kerajaan, kerana kalau di-fahamkan betul² muka surat 181 dan 183 ini, jawatan² Pensharah Kanan ini saban tahun ta' kosong; sudah ada orang yang memangku-nya. Kalau pun ta' boleh di-sahkan semua 67 jawatan kosong itu, sa-kurang²-nya 27 orang Pensharah yang memangku jawatan itu sekarang ini. Dari itu, Tuan Pengerusi, saya perlukan sedikit penjelasan dari pihak Kementerian dalam hal ini.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan): Mr Chairman, Sir, I will be very pleased—just for two minutes—because I believe in the principle of stand up, speak up, and shut up.

Sir, I want to touch on Sub-head 17, that is about the Teacher Training item. Sir, we have heard from the Honourable Minister of Finance that we are in a national budget deficit, and I think—that there is an item here in respect of which we can save the money. I suggest that we scrap the teachers' training colleges—the Malayan Teachers Training Colleges and Day Training Colleges—because those who want to go for these courses they can always join the R.T.C.

courses (Regional Training Courses). This is, I think, similar to the old days where these teachers were trained under this Normal Class system. Sir, I think by this method the Government will save money and also will not reduce the standard of education in this country. In our country, many people have gone through the hands of these Normal Class teachers and most of them have now occupied prominent positions. So, I do not know what is wrong with not continuing this Normal Class system, instead of wasting money on these teachers training colleges.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): Mr Chairman, Sir, I wish to speak, first of all, on Sub-head 1. I am sure the Ministry is aware of the worries of hundreds of parents from our country who have their children abroad in England, where we have been informed that the fees that these students pay have rocketed to almost three times the present rates. There have been protest marches in London itself, and I am sure any information from the Ministry to the effect that this matter is receiving attention and the increase of fees is likely to be reduced, would be received with great delight and pleasure by the parents of these students in England now.

Sir, it was very encouraging to hear this morning that the Ministry is appointing a special committee to look into the textbooks we use in the country. I would like to give my suggestion that this committee should give preference to local authors. There was a time when we had almost all our school books written by authors from abroad, but we are now in a happy state of affairs, where we can proudly say that the majority of the books used in our schools are written by local teachers, or authors, and they teach about conditions in this country. We would not like the books to be changed too often, but we would like to use as many different authors as possible, so that there could be competition and encouragement to the new authors to come into the field. If a particular text book is selected and used say for a period of 3 to 5 years,

in the meantime, another author might come up with some improvements, or with a better book. But books once selected should not be changed earlier than three years at least.

I have been asked to say a few words about the teaching of other languages than the National language. According to my information, in some of the smaller schools, particularly in the rural areas, there is a difficulty, perhaps, in getting the right type of teachers, and if some inducement or encouragement is given, then these teachers would perhaps be available. At the same time, there is the difficulty of asking the children to go to school after school hours. In many cases, children in the rural areas do not live very near the school. They have to travel by bus, or by taxi, and if they have to come in afternoons after the normal school hours, it involves extra expense and extra trouble.

Another problem which is causing a certain amount of worry and dissatisfaction is the question of graduate teachers, graduate teachers not from University of Malaya but from Universities abroad, may be India or Ceylon, whose fate has been held in the balance for a very long time. The Ministry, perhaps, has other important things to think about, but these poor teachers have in some cases been waiting for a couple of years to get a decision from the Ministry, and I hope the Ministry would be able to give decision, so that other teachers need not have to worry very much longer. That is all, Sir, Thank you.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pelajaran. Sa-belum saya berchakap lebeh lanjut, saya ingin menguchapkan tahniah kapada Menteri Pelajaran yang telah mengemukakan satu Anggaran Belanjawan bagi Kementerian-nya dalam Dewan ini yang boleh di-katakan jauh lebeh meliputi daripada anggaran pada tahun² yang sudah. Tetapi bagaimana

pun, kerana masharakat manusia ini satu masharakat yang hidup, dan keperluan hidup itu tak putus², dan keperluan manusia itu tak berhenti², maka walau bagaimana pun lengkap atau *complete*-nya *Budget* Kementerian ini, maseh banyak lagi chelah² dan lobang² yang dapat di-tebok di-sana sini.

Berpandukan kapada perkara ini, saya akan menyentoh beberapa perkara dalam *Budget* Kementerian Pelajaran ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, sa-belum saya pergi lebeh jauh lagi memberikan pandangan² dan pendapat² berkenaan dengan Anggaran Belanjawan Kementerian ini, saya ingin menarek perhatian Dewan ini kapada ucapan Yang Berhormat wakil Kota Bharu Hulu yang berchakap sa-belum saya. Saya tidak hairan, Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat berdiri tegak dalam satu Public Rally dan membohongi pendengar²-nya. Itu tidak mengejutkan dan menghairankan saya, tetapi sebagai sa-orang Ahli Yang Berhormat duduk dalam Dewan yang mulia ini berani dan tergamak dan ada muka membohongi Dewan ini, ini yang saya tidak dapat faham. Chara yang sumpama ini ia-itu membohongi Dewan ini ada-lah berlawanan dengan segala prinsip dan tata susila kehormatan dan kemanusiaan.

Apa yang saya maksudkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah soal Ahli Yang Berhormat itu chuba hendak melindungkan mata hari dengan telunjuk jari-nya. Helah, tipu-daya PAS, dan pemimpin² PAS mengkafirkan UMNO ini dan ahli² UMNO telah menjadi satu kenyataan yang tidak dapat hendak di-napikan-nya, kerana sa-bagai natijah daripada perbuatan kafir-mengkafir ini-lah Majlis Raja² Melayu telah terpaksa mengambil satu fatwa yang di-sebarkan ka-seluruh negara untok menenteramkan fikiran orang ramai, dan terpaksa Dewan ini, termasuk Ahli² daripada PAS sendiri, meluluskan satu Undang² menegah, menahan dan menchegeh sa-sorang ahli politik yang berchakap di-luar itu

dengan menggunakan ayat² Koran sebagai modal-nya untuk menchari pengarah di-kalangan orang ramai. (*Tepok*).

Tetapi yang saya sangat² hairankan ia-lah sikap Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bahru Hulu tadi, menchari kita yang di-sabelah sini, katanya "tunjukkan siapa dia Ahli PAS yang mengkafirkan orang² UMNO". Tuan Yang di-Pertua, kalau dia pergi memereksa dada-nya dan hati perut-nya dia akan mendapat jawapan, bukan daripada sini, daripada conscience-nya sendiri. Kalau ini-lah jenis manusia, Tuan Pengerusi, yang chuba hendak memimpin ra'ayat negeri kita dan negara kita dengan berchogankan ugama, maka saya nampak manusia di-negeri ini sedang di-hela ka-neraka.

Mr Chairman: Sudah pukul 1.00.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Lagi dua minit, Tuan Pengerusi, kalau boleh.

Mr Chairman: Saya benarkan satu minit lagi.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Lagi satu perkara yang saya patut sebutkan

Mr Chairman: Ini tidak ada sebut perkara Kepala² pun!

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar: Saya akan sambong ucapan saya apakala Parlimen ini di-buka, tetapi ada satu dua *point* yang saya suka sebutkan sa-belum hari itu datang.

Tuan Pengerusi, ada soalan yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hulu ia-itu berkenaan dengan kenyataan Menteri Pelajaran yang di-siarkan oleh akhbar

Utusan Zaman. Marah benar nam-pak-nya Ahli Yang Berhormat itu, kerana dalam ucapan Menteri itu ada menyebutkan ulama² dajal dan iblis. Jadi, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tak usah-lah marah, atau kecil hati kerana kita ketahui memang ada di-kalangan PAS, ulama² Su' nama-nya (*Ketawa*).

Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak menganggap diri-nya daripada golongan ini, tidak-lah patut dia marah, tetapi kalau dia makan chabai dan terasa pedas, saya tak dapat hendak menolong dia (*Ketawa*). Saya akan sambong lagi, Tuan Pengerusi.

House resumed.

Mr Deputy Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1967 telah sampai kepada Kepala 19 bagi Jadual dalam Rang Undang² ini.

ADJOURNMENT

(MOTION)

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencharikan ia-itu perbincangan sa-lanjut-nya berkenaan dengan urusan di-hadapan Majlis ini di-tanggohkan pada suatu hari meshuarat yang kemudian dan bahawa Majlis ini di-tanggohkan sekarang ini.

Tuan T. Mahima Singh: Sir, I beg to second the motion.

Question put and agreed to.

Mr (Deputy) Speaker: Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 10.00 pada 13hb Februari, 1967.

Adjourned at 1.00 p.m.